

10 AUG 2003

BN-Mesyuarat

DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL BERMESYUARAT BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan bermesyuarat bulan depan antara lain membincangkan masalah dalaman Parti Bansa Dayak Sawarak (PBDS) dan status Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamad Rahmat berkata isu penarikan semula penggantungan keanggotaan dua wakil rakyat MCA Pulau Pinang daripada BN akan turut dibincang.

Jawatankuasa Pusat MCA baru-baru ini mencadangkan agar penggantungan keanggotaan Anggota Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat Lim Boo Chang dan ADUN Jawi Tan Chin Liang yang dibuat oleh BN penghujung tahun lalu ditarik balik.

"Dewan Tertinggi BN perlu melihat kepada perkara itu (penggantungan) dan MCA perlu mengemukakan cadangan penarikan balik itu supaya status penggantungan mereka dapat ditukar," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-50 di Wisma MCA di sini.

Perhimpunan agung itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai PBDS, Mohamed berkata kedua-dua pihak yang bertelagah perlu menyelesaikan perkara itu secepat mungkin memandangkan BN pusat tidak mahu melihat ia berlarutan.

Krisis dalaman melanda PBDS selepas Presiden Parti Datuk Amar Leo Moggie melepaskan jawatannya sebagai presiden parti dan Datuk Daniel Tajem dilantik sebagai presiden yang baru.

Bagaimanapun, puak yang diketuai bekas pengerusi biro penerangan PBDS Datuk Dr James Jemut Masing bertindak mengadakan perhimpunan luar biasa mereka bagi melantik dirinya sebagai presiden parti PBDS yang baru.

Kedua-dua pihak telah merujuk kes itu kepada Pendaftar Pertubuhan untuk menentukan siapa yang berhak menjadi presiden parti itu.

Mohamad berkata Majlis Tertinggi BN juga perlu membincangkan kedudukan SNAP memandangkan terdapat perintah sementara mahkamah untuk menghalang pembubaran parti tersebut.

Beliau berkata tarikh mesyuarat BN itu akan ditetapkan kemudian bagi membolehkan Dr Mahathir mempengerusikan mesyuarat itu.

"Perdana Menteri mempunyai jadual yang padat serta cukup sibuk sehingga akhir Oktober, jadi kita sedang menunggu tarikh yang sesuai," katanya.

-- BERNAMA

AT HK AZZ ZB